

07 SEP 2003

Abdullah-Wawasan 2020

WAWASAN 2020 AKAN DITERUSKAN - ABDULLAH

SEREMBAN, 7 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau akan meneruskan usaha untuk merealisasikan Wawasan 2020 selepas mengambil alih tampuk pemerintahan negara daripada Dr Mahathir Mohamad Oktober ini.

Abdullah berkata walaupun Perdana Menteri akan bersara Oktober ini, usaha mencapai Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang dihormati tetap diteruskan.

"Wawasan 2020, kita telah rancang dan kita mahu semua usaha itu berjalan dengan baik.

"...saya akan usahakan supaya dengan perpaduan dan satu hati rakyat, kita sama-sama mencapai Wawasan 2020 untuk menjadikan negara kita maju untuk semua kaum yang ada di dalam negara ini," katanya ketika merasmikan Pesta Kebudayaan Cina Malaysia ke-20 di Padang Majlis Perbandaran Seremban, di sini malam ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan Presiden MCA yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting.

Majlis anjuran Dewan Perniagaan Cina Negeri Sembilan itu yang dihadiri kira-kira 15,000 orang, diserikan dengan persembahan kesenian dan kebudayaan Cina.

Oleh itu, kerajaan Barisan Nasional (BN) yang merangkumi wakil pelbagai kaum, sentiasa berusaha untuk meningkatkan pembangunan negara, termasuk mencari pasaran baru bagi produk keluaran Malaysia, kata Abdullah.

"Dengan adanya pasaran baru itu, kita dapat menambah pendapatan peniaga, rakyat dan negara. Kita bersungguh-sungguh untuk memajukan negara dan saya berharap rakyat sentiasa memberikan sokongan kepada kerajaan," katanya.

Oleh kerana penduduk Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum yang menganuti pelbagai agama, "perpaduan dalam kepelbagaian" perlu dipertingkatkan dan dipelihara bagi memastikan keamanan dan keharmonian kaum terus terjamin, katanya.

"Dalam kepelbagaian ini kita boleh cari perpaduan. Perpaduan dalam kepelbagaian, inilah negara kita Malaysia. Kalau kita dapat perpaduan dalam kepelbagaian ini, maka kita akan ada kekuatan.

"Kalau kita kuat, kita boleh jaga negara kita ini kekal aman, tak ada sesiapa pun boleh kacau Malaysia.

"Kita mesti bersatu, bermuafakat, hormat antara satu sama lain dan bekerja kuat untuk benar-benar Merdeka supaya Malaysia dihormati dan disanjung orang lain," katanya.

Justeru itu, rakyat harus bijak memilih dan menyokong kerajaan yang ada sekarang yang telah terbukti berkemampuan dan berpengalaman untuk memerintah negara," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata bagi memastikan Malaysia benar-benar merdeka, rakyat mesti bersatu dan bekerjasama dengan kerajaan supaya tidak ada orang luar berani membuat kekacauan.

"Kita yang akan menentukan masa depan negara kita, bukan orang lain. Kita lebih kenal orang kita, bukan orang lain.

"Apabila kita boleh menjaga negara kita, barulah orang lain akan menghormati kita. Kita mesti berani mempertahankan negara kita sendiri," katanya.

Sebagai contoh, negara kita berani memutuskan supaya tidak menerima

bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) semasa kemelesetan ekonomi 1997 dengan membuat keputusan tepat menambat Ringgit pada paras RM3.80 bagi US\$1, katanya.

Walaupun pada mulanya keputusan kerajaan itu dikritik pelbagai pihak, namun berkat usaha dan kegigihan semua pihak memulihkan keadaan ekonomi, tindakan itu telah membawa ekonomi negara berkembang dengan baik.

"Kita tidak seperti negara jiran kita yang mendapatkan bantuan IMF dan sehingga kini keadaan ekonomi mereka masih tidak menentu, katanya.

Pegawai IMF yang datang ke Malaysia baru-baru ini turut memuji langkah yang diambil kerajaan memulihkan ekonomi negara dan ingin mempelajari cara Malaysia menguruskan ekonomi negara, kata Abdullah.

"Malah Malaysia kini telah menjadi dan diiktiraf mempunyai keadaan ekonomi yang terbaik di rantau Asean," katanya.

-- BERNAMA

APG LAT